"Kebijaksanaan" Gamal Abdel Nasser Tidak Dapat diterima oleh Ajaran-ajaran Islam dan Kebebasan Hidup Manusia

Tidak ada orang yang menafikan bahawa usaha-usaha Gamal Abdel Nasser kepada umat Mesir (Republik Arab Bersatu) yang dijalankannya dari mula hingga sekarang menjadi suatu kebaikan yang tidak ada tolok bandingnya bagi zamannya. Dengan itu kehidupan dan kemakmuran rakyat Mesir cuba didirikannya dengan mengadakan tali air-tali air, membuka ladang-ladang baru, dengan seluas-luasnya dan memberikan tanah-tanah kepada peladang-peladang sebagai suatu cara kolektif yang berjalan di negara-negara sosialis. Tetapi adakah cara itu suatu cara yang dapat diterima dengan begitu sahaja oleh keadaan dan kehidupan seseorang manusia di dalam masa hidupnya dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang ada di sekitarnya? Inilah persoalan-persoalan mengapa timbul bantahan-bantahan yang hebat terhadap kepada usaha-usaha Gamal Abdel Nasser di Mesir dan mungkin dengan kerana itulah juga ideologi atau cara hidup yang dibuat oleh Gamal itu tidak dapat diterima di setengah-setengah tempat atau di tempat-tempat yang lain.

(Oleh penulis khas kita di Timur Tengah)

Cuba kita perhatikan erti dan cara hidup seseorang manusia di bumi ini terutamanya dengan kebebasan yang diberikan oleh Islam kepada mereka. Kejadian manusia itu ada yang pandai, ada yang bodoh dan keadaannya tidak sama – ada yang rajin, ada yang malas; ada yang jujur, ada yang pembelit; ada yang penipu dan pencurang di sebalik daripada segalanya ada orang yang baik dan sempurna akalnya. Perbezaan hidup ini tidak dapat disatukan dan tiap-tiap sendi itu tidak dapat mempertanggungjawabkan keadaan dan kedudukan seseorang.

Manusia bebas boleh mencari dan berusaha. Perusahaannya itu dibuatnya bersungguh-sungguh apabila ia memikirkan bahawa ia bertanggungjawab kepada dirinya, untuk sara bekal tuanya, untuk anak dan isterinya. Ia berkewajipan menunaikan tanggungjawabnya itu dengan bersungguh-sungguh dan kalau tidak kerana perasaan yang demikian itu timbul di dalam hati seseorang maka tidak mungkin seseorang itu akan bekerja bersungguh-sungguh apalagi kalau usahanya, segala kebolehannya, segala hasil mahsulnya dihimpun dan dikumpulkan bagi dibahagikan bersama-sama kepada luar daripada golongan rumah tangganya, kaum kerabatnya, kepada orang-orang yang lain, yang malas, yang dungu dan yang seumpamanya yang tidak mahu menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk menyelamatkan dirinya sendiri supaya lapang dan senang.

Seorang sahabat yang sedang bekerja jauh malam di pejabatnya berkata: "Apakah tuan fikir, saya bekerja siang dan malam membanting tulang, menggunakan akal fikiran dan otak dengan kepandaian saya berjam-jam lebih daripada masa bekerja ini hasilnya akan digunakan untuk orang lain? Dan saya akan mendapat sama seperti orang lain dengan usaha saya?

Yang demikian ini tentu tidak – saya tidak akan bekerja bersungguh-sungguh di dalam mencari atau berikhtiar untuk sara hidup dengan semata-mata usaha saya itu dibahagikan bersama atau faedah bersama kepada orang lain – kepada orang yang saya tidak bertanggungjawab di atasnya, kepada orang-orang pemalas, orang-orang penipu, orang-orang pembelit yang tidak suka bekerja untuk mencari secara bersungguh-sungguh?

"Dengan segala hasil yang saya peroleh dipaksakan untuk dibahagikan bersama kepada orang-orang lain, sudah tentu segala kebolehan dan apa jua kepandaian yang ada kepada saya, kerana saya tidak mendapat hasil daripadanya tentunya saya tidak akan begitu cergas, begitu usaha untuk mencari sara hidup, untuk berusaha memajukan tiap-tiap usaha saya dengan sebaik-baiknya."

Dengan pendapat-pendapat ini lahir bahawa jiwa yang ada kepada tiap-tiap manusia yang ditanam di dalam hati sanubari manusia itu segala pengorbanan dan tanggungjawabnya tentulah lebih dahulu untuk kebahagiaan rumah tangganya, bukan kebahagiaan orang lain dan sekiranya

tidak ada jaminan baginya untuk kebahagiaannya pada masa akan datang dan usahanya tidak didapatnya untuk kesenangan dirinya, dia tidak akan bekerja bersungguh-sungguh untuk mencari nafkah, untuk menggunakan tenaga dan kebolehannya mencari hasil yang sebanyak-banyaknya.

Gamal Abdel Nasser apabila berkuasa, dengan sifatnya ia anak seorang posmen tidak terfikir lagi olehnya persoalan-persoalan yang ada dalam diri atau jiwa seseorang manusia – kerana kelemahan hidupnya dalam masa mudanya ia terasa bahawa penindasan-penindasan si kaya kepada si miskin ada dan perasaan iri dan dengki kerana kelebihan-kelebihan itu pun mungkin ada. Ianya memandang dari satu segi bahawa si kecil ditindas oleh si besar, si miskin ditindas oleh si kaya, si susah ditindas oleh yang senang. Dengan perasaan itulah apabila ia berkuasa menggunakan kekuasaannya dengan seluas-luasnya supaya yang kaya-kaya itu tidak lagi diluluskan berleluasa melakukan sekehendak hati mereka. Tetapi ia melupakan bahawa kebolehan orang kaya atau orang-orang yang bersungguh-sungguh menjalankan usahanya mencari kesenangan dengan titik peluhnya telah memerah akal dan fikirannya dengan bersungguh-sungguh dan berkemahuan. Adakah pengalaman-pengalaman orang yang seperti ini akan dibiarkan begitu sahaja?

(Bersambung)

Hassan Sabri al-Khawwan perutusan peribadi *President* Gamal Abdel Nasser di Lembaga Arab telah melawat Kuwait atas undangan dari Menteri Luar kerajaan Kuwait al-Shaykh Sabah Ahmad Al-Sabah. Di dalam lawatannya itu ia bersedia untuk memperbincangkan perihal Yaman. Adalah diketahui bahawa kerajaan Kuwait bersedia menjadi orang tengah di antara kerajaan Republik Arab Bersatu dengan kerajaan ‘Arabiyyah Sa‘udiyyah untuk menyelesaikan pertikaian di antara kedua-dua buah negara itu mengenai Yaman.



Al-Malik Faisal bersama-sama dengan Pengetua Pusat Persatuan Islam di Washington.

Jawatankuasa Tertinggi Palestin telah meminta kepada seluruh negara-negara Arab berjaga-jaga dan bersedia mengadakan rancangan konfrontasi terhadap negara-negara *imperialist* yang dengan secara terus terang memperalat dan memberi senjata kepada negara Israel.